



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

PENYELIAAN KERJA SOSIAL

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

BUKU PANDUAN PENYELIAAN KERJA SOSIAL

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



Diterbitkan oleh Bahagian Kawalan Standard,
Jabatan Kebajikan Masyarakat,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Diterbitkan November 2020

Hak cipta © Jabatan Kebajikan Masyarakat.
Semua hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

ARAS 6,9-18, NO. 55,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA
T 03-8323 1656 / 03-8323 1658 F 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku ini serta mereka yang bersetuju membenarkan kami mendapatkan koleksi gambar dan bahan-bahan peribadi.

Dicetak oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur
T 03-9236 6895 F 03-9222 4773

KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|---|----|
| Perutusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat | v |
| Pengenalan | 3 |
| Objektif Buku Panduan Penyeliaan | 3 |
| Definisi Kerja Sosial | 4 |
| Apa Itu Penyeliaan? | 4 |
| Fungsi Penyeliaan | 4 |
| Prinsip Dan Nilai Penyeliaan | 6 |
| Peranan Individu Yang Diselia | 6 |
| Pembangunan Kendiri Penyelia | 6 |
| Hubungan Penyeliaan | 7 |
| Gaya Penyeliaan | 7 |
| Jenis Penyeliaan | 7 |
| Persediaan Untuk Penyeliaan | 8 |
| Kelayakan Penyelia | 9 |
| Polisi Penyeliaan Dalam Organisasi | 11 |
| Kekerapan Penyeliaan | 11 |
| Rujukan | 12 |
| Penghargaan | 12 |
| Lampiran | 19 |
| Lampiran A: Manual Pelaksanaan Program Penyeliaan Kerja Sosial | |

PERUTUSAN

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial ini telah dapat dihasilkan.

Kerja Sosial telah diamalkan lebih 7 dekad di Malaysia semenjak penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1946. Pelbagai cabaran dihadapi oleh Pekerja Sosial pada masa kini akibat peningkatan isu-isu sosial yang semakin rumit dan kompleks seperti penderaan kanak-kanak, jenayah di kalangan kanak-kanak, keganasan rumah tangga, pengabaian warga emas, gelandangan, pengemis jalanan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, praktis Kerja Sosial yang profesional adalah diperlukan dalam memastikan perkhidmatan yang disampaikan kepada kumpulan sasar berkesan.

Sebagai agensi peneraju utama perkhidmatan kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat, Kerja Sosial merupakan praktis utama dalam perkhidmatan JKM. Penyediaan Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial bertepatan dengan cabaran JKM dalam menguruskan isu sosial berkaitan dengan kumpulan sasar Jabatan. Saya berharap buku ini dijadikan sebagai panduan kepada warga JKM dan rakan strategik JKM untuk meningkatkan kompetensi Pekerja Sosial serta meningkatkan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasar.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terbabit dalam penghasilan Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial ini. Semoga usaha ini menjadi katalis kepada pembangunan profesionalisme dalam bidang Kerja Sosial di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

HJ. MOHD FAZARI BIN MOHD SALLEH

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Oktober 2018

BUKU PANDUAN

Penyeliaan Kerja Sosial



Pengenalan

Bidang Kerja Sosial telah diperkenalkan di Malaysia dengan penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 1946 oleh pentadbiran tentera British bagi menangani masalah sosial selepas Perang Dunia Kedua. Kerja Sosial telah diamalkan lebih 7 dekad dengan menghadapi pelbagai cabaran dalam menangani isu psikososial yang semakin kompleks seperti pengabaian dan penderaan, tingkah laku devian, keganasan rumahtangga, pemerdagangan manusia, penyalahgunaan bahan, pelarian dan sebagainya. Penyeliaan adalah sebahagian daripada praktis profesional yang perlu wujud untuk meningkatkan kualiti dan kompetensi Pekerja Sosial. Berdasarkan rujukan pelbagai dokumen maka draf Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial telah dihasilkan melalui bengkel yang telah dihadiri oleh pengamal dan ahli akademik dalam bidang kerja sosial. Diharapkan buku panduan ini akan menjadi naskhah berguna kepada Pekerja Sosial khususnya penyelia dan individu yang diselia serta organisasi dalam memantapkan piawaian penyeliaan Kerja Sosial ke arah mencapai kesejahteraan klien.

Objektif Buku Panduan Penyeliaan

- Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial disediakan bagi menjelaskan definisi, fungsi, nilai, peranan, jenis penyeliaan dan skop penyeliaan dalam konteks Kerja Sosial. Ia merupakan satu penanda aras dalam penyeliaan Kerja Sosial di Malaysia dan mengukuhkan penyeliaan sebagai salah satu komponen profesional dan tanggungjawab etika kepada semua Pekerja Sosial.
- Buku panduan penyeliaan ini menyediakan kerangka umum untuk penyeliaan bertujuan mempromosi konsistensi dalam proses penyeliaan Kerja Sosial. Ia juga disediakan untuk menyokong dan mempertingkatkan penyeliaan terhadap Pekerja Sosial secara profesional.
- Organisasi digalakkan untuk menyesuaikan panduan penyeliaan ini mengikut keperluan klien.
- Buku panduan penyeliaan digunakan sebagai rujukan kepada pengamal Kerja Sosial.

3. DEFINISI KERJA SOSIAL

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017) mendefinisikan Kerja Sosial sebagai “aktiviti profesional berlandaskan prinsip, nilai dan etika, pengetahuan, kemahiran dan kaedah Kerja Sosial bagi membantu individu, keluarga, kumpulan dan komuniti untuk meningkatkan atau mengembalikan kapasiti kefungsiian sosial mereka”.

International Federation of Social Worker (2014) pula mendefinisikan Kerja Sosial sebagai “profesion berasaskan praktis dan disiplin akademik yang menggalakkan perubahan dan pembangunan sosial, perpaduan sosial, pemerksaan dan kebebasan rakyat. Prinsip keadilan sosial, hak asasi manusia, tanggungjawab kolektif dan menghormati kepelbagaian adalah berkait dengan kerja sosial. Disokong oleh teori-teori kerja sosial, sains sosial, kemanusiaan dan pengetahuan sebenar, kerja sosial melibatkan manusia dan struktur untuk menangani cabaran kehidupan dan meningkatkan kesejahteraan”.

4. APA ITU PENYELIAAN?

Penyeliaan ialah satu proses di mana penyelia yang terlatih memudah cara individu yang diselia untuk membangun kompetensi dan etika praktis Kerja Sosial dalam konteks objektif organisasi ke arah mencapai kesejahteraan klien (Singapore Association of Social Workers [SASW], 2000).

5. FUNGSI PENYELIAAN

Terdapat 3 fungsi penyeliaan:



Matlamat akhir penyeliaan adalah untuk membolehkan Pekerja Sosial menyediakan perkhidmatan yang efektif kepada kumpulan sasar dan dilaksanakan dengan penuh rasa kepercayaan (Kadushin & Harkness, 2014).

Pendidikan

Elemen pendidikan memfokuskan kepada pembangunan dan kompetensi Pekerja Sosial dengan menyediakan ruang kepada Pekerja Sosial untuk memahami:

- a. Nilai dan etika yang perlu digunakan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam praktis;
- b. Membolehkan pembelajaran berterusan bagi proses penilaian dan pembentukan latihan yang diperlukan; dan
- c. Melalui pendidikan, penyelia dapat mengenal pasti keperluan latihan bagi individu yang diselia.

Sokongan

Elemen sokongan menyediakan ruang bagi individu yang diselia untuk meluahkan dan meneroka dari aspek emosi mereka. Ini membolehkan penyelia untuk memberikan sokongan yang boleh memberi impak kepada prestasi dan keberkesanan profesional individu yang diselia termasuklah dalam mendaya upaya, memperkasa dan membantu individu yang diselia berhadapan dengan pelbagai situasi.

Pentadbiran

Elemen pentadbiran memfokuskan kepada peranan penyelia dalam pengurusan dengan memastikan pelaksanaan tanggungjawab organisasi dan praktis yang beretika termasuk:

- a. Penetapan objektif kerja;
- b. Pengurusan bebanan kerja;
- c. Penilaian kerja; dan
- d. Pencapaian dalam piawaian yang ditetapkan.

6. PRINSIP DAN NILAI PENYELIAAN

- i. Penyelia perlu berpegang kepada prinsip, nilai dan etika Kerja Sosial berdasarkan Kod Etika Pekerja Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- ii. Penyelia perlu mempunyai sensitiviti dan menghormati keunikan individu yang diselia.
- iii. Penyelia perlu menyokong individu yang diselia untuk menjalankan tugas supaya tidak bercanggah dengan etika profesional.
- iv. Penyelia berperanan sebagai perantara dalam menyelesaikan sebarang perbezaan pandangan antara individu yang diselia dan organisasi.

7. PERANAN INDIVIDU YANG DISELIA

- i. Hubungan dua hala antara penyelia dan individu yang diselia termasuk:
 - a. Individu yang diselia bertanggungjawab dalam memastikan mereka menerima penyeliaan yang sepatutnya daripada penyelia.
 - b. Individu yang diselia perlu memahami dan menerima peranan dan tanggungjawab seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak penyeliaan.
 - c. Individu yang diselia harus sentiasa proaktif memberi sumbangan dalam proses penyeliaan.
 - d. Individu yang diselia bertanggungjawab memaklumkan penyelia apabila kompetensi praktis terjejas serta berhadapan dengan sebarang isu yang melibatkan etika dan keselamatan.

8. PEMBANGUNAN KENDIRI PENYELIA

- i. Penyelia digalakkan mendapat penyeliaan (*supervision of supervisors*) bagi meningkatkan kompetensi untuk menyelia dan berhadapan dengan cabaran yang akan dihadapi semasa hubungan penyeliaan bersama individu yang diselia.
- ii. Penyelia bertanggungjawab untuk mendapatkan bantuan profesional apabila berhadapan isu peribadi yang boleh menjejaskan hubungan penyeliaan.

9. HUBUNGAN PENYELIAAN

- i. Merupakan satu hubungan kolaboratif yang merangkumi kepercayaan, keterbukaan, saling menghormati, telus, komitmen, persetujuan bersama di antara penyelia dan individu yang diselia.
- ii. Hubungan ini perlu mengambil kira kepekaan terhadap gender, budaya dan konteks di dalam penyeliaan.
- iii. Penyelia dan individu yang diselia perlu mendapatkan maklum balas secara berkala, menetapkan objektif dan sentiasa berusaha untuk merancang agenda masa depan.

10. GAYA PENYELIAAN

- i. Setiap penyelia mempunyai gaya tersendiri yang perlu dikenal pasti dan disedari berdasarkan kekuatan diri dan limitasi yang ada.
- ii. Penyeliaan Kerja Sosial yang profesional memerlukan kedua-dua pihak (penyelia dan individu yang diselia) untuk membuat refleksi dan kesedaran diri.
- iii. Menurut Wonnacott (2012), pembentukan gaya refleks aktif dalam penyeliaan berbanding gaya pasif adalah disyorkan.
- iv. Ini bertepatan dengan gaya autoritatif berbanding autoritarian.

11. JENIS PENYELIAAN

- i. Menurut Model Kadushin (1992), terdapat 3 jenis penyeliaan iaitu;

- a. **Penyeliaan Pengurusan**

Fokus utama bertujuan untuk **meningkatkan pengoperasian perkhidmatan** melalui pembangunan dan penyelarasan polisi pentadbiran dengan praktis, serta mempromosi dan mengekalkan piawaian kualiti kerja bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan.

b. **Penyeliaan Praktis**

Memfokuskan kepada kes, meningkatkan praktis dengan penumpuan khusus kepada kes semasa atau kes terdahulu, sama ada pelaksanaan praktis yang berkesan atau sebaliknya. Dalam konteks ini, kes merujuk kepada individu, keluarga, kumpulan atau komuniti.

c. **Penyeliaan Profesional**

Memfokuskan kepada Pekerja Sosial, penyeliaan profesional memfokuskan kepada **pembangunan diri individu sebagai seorang Pekerja Sosial profesional** dalam kompetensi dan pembangunan kerjaya.

- ii. Ketiga-tiga jenis penyeliaan ini diperlukan sebagai fungsi utama dalam penyeliaan. Adalah penting bagi penyelia dan orang yang diselia menyedari jenis penyeliaan yang digunakan dan pertindihan jenis penyeliaan mungkin berlaku.

12. **PERSEDIAAN UNTUK PENYELIAAN**

- i. Penyeliaan boleh berlaku secara dirancang atau tidak dirancang.
- ii. Penyeliaan boleh berlaku secara individu, kelompok dan rakan sekerja.
- iii. Persediaan fizikal bermaksud menyediakan tempat dan persekitaran yang sesuai (selamat, selesa dan kondusif).
- iv. Penyelia perlu mengenal pasti maklumat awal individu yang diselia (profil). Maklumat awal individu yang diselia akan membantu penyelia untuk membuat persediaan dari segi fizikal dan mental.
- v. Penyelia dan individu yang diselia perlu mempunyai persediaan dari segi mental. Sekiranya salah satu pihak atau kedua-dua pihak mengalami keadaan mental yang tidak stabil, kemungkinan akan mengganggu keberkesanan sesi penyeliaan.
- vi. Individu yang diselia perlu mengemukakan rekod-rekod (contohnya laporan kes, jadual kerja dan sebagainya). Rekod-rekod yang dikemukakan akan dapat memberi ruang kepada penyelia untuk membuat penentuan situasi awal sebelum sesi penyeliaan dilakukan. Rujuk Manual Pelaksanaan Program Penyeliaan seperti di **Lampiran A**.

- vii. Penyelia dan individu diselia hendaklah mempunyai perjanjian secara kolektif dalam menentukan matlamat, tugas dan tanggungjawab, konteks dan kandungan serta kerangka masa. Borang perjanjian penyeliaan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- viii. Menyediakan borang-borang penyeliaan – rujuk **Lampiran 2,3 dan 4**.

13. KELAYAKAN PENYELIA

i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Praktis Tidak Langsung)

| Gred Individu Yang Diselia | Lokasi (Praktis Tidak Langsung) | Penyelia |
|----------------------------|---------------------------------|--|
| S52 | IP JKM / JKMN | Pegawai Gred S54 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 7 tahun. |
| S48 | IP JKM / JKMN | Pegawai Gred S52 – S54 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 7 tahun. |
| S44 | IP JKM / JKMN | Pegawai Gred S48 – S52 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 7 tahun. |
| S41 | IP JKM / JKMN | Pegawai Gred S44 – S48 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 7 tahun. |

ii. Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Praktis Secara Langsung)

| Gred Individu Yang Diselia | Lokasi (Praktis Secara Langsung) | Penyelia |
|----------------------------|----------------------------------|--|
| S48 | Institusi / PKMD | Pegawai Gred S52 – S54 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 7 tahun. |

| Gred Individu Yang Diselia | Lokasi (Praktis Secara Langsung) | Penyelia |
|----------------------------|----------------------------------|--|
| S44 | Institusi / PKMD | Pegawai Gred S48 – S52 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 7 tahun. |
| S41 | Institusi / PKMD | Pegawai Gred S44 – S48 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 7 tahun. |

iii. **Kumpulan Pelaksana (Praktis Secara Langsung)**

| Gred Individu Yang Diselia | Lokasi (Praktis Secara Langsung) | Penyelia |
|----------------------------|----------------------------------|--|
| S32 – S38 | Institusi / PKMD | Pegawai Gred S41 – S48 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 5 tahun. |
| S29 | Institusi / PKMD | Pegawai Gred S32 – S44 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 5 tahun. |
| S22 – S26 | Institusi / PKMD | Pegawai Gred S29 – S41 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 5 tahun. |
| S19 | Institusi / PKMD | Pegawai Gred S22 – S41 yang mempunyai kelayakan bidang Kerja Sosial / Sains Sosial dengan pengalaman dalam bidang Kerja Sosial sekurang-kurangnya 5 tahun. |

- iv. Sebelum/semasa melaksanakan Penyeliaan Kerja Sosial, pegawai tersebut hendaklah menghadiri latihan khusus:
- a. Kursus Kompetensi Praktis Kerja Sosial; dan
 - b. Kursus Penyeliaan Kerja Sosial.

14. POLISI PENYELIAAN DALAM ORGANISASI

- i. Organisasi perlu menyokong peluang perkembangan profesional kepada penyelia dalam meningkatkan kompetensi.
- ii. Organisasi disarankan menjadikan penyeliaan sebagai salah satu kriteria dalam sasaran kerja tahunan (SKT).
- iii. Organisasi disarankan menyediakan unsur-unsur “*self-care*” (penyelia perlu peka dengan ancaman stres individu yang diselia dan menyediakan persekitaran selamat dan sumber *self-care*) bagi membantu individu yang diselia menguruskan stres kerja dan lelah tugas (*burn out*) bagi mengelakkan prestasi kerja dan profesionalisme terjejas.

15. KEKERAPAN PENYELIAAN

| Tempoh Perkhidmatan | Kekerapan | Durasi Sesi (Sekurang-kurangnya) |
|---------------------|--------------------|----------------------------------|
| 1 – 12 bulan | 1 minggu sekali | 2 jam |
| 1 – 3 tahun | 2 minggu sekali | 1.5 jam |
| 3 – 7 tahun | 1 bulan sekali | 1 jam |
| Lebih 7 tahun | Bila ada keperluan | 1 jam |

RUJUKAN

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017), Kod Etika Pekerja Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Kadushin, A. & Harkness, D. (2014). *Supervision in Social Work*. New York: Columbia University Press.
- Kadushin, A. (1992), *Supervision in Social Work*, (3rd.edn.), New York: Colombia University Press. Revised Fourth edition published 2002.
- Mair, L.P. (1944) *Welfare in British Colonies*, Great Britain, The Broadwater Press.
- Social Work Accreditation and Advisory Board. (2017). *Social Work Supervision Guidelines*.
- Singapore Association of Social Workers. (2000). *A Manual on Supervision for Social Work Supervisors*. Singapore: Armour Publishing Pte Ltd.
- Wonacott, J. (2012), *Mastering Social Work Supervision*, Jessica Kingsley, London, (Skills for Care/CWDC 2007, Cited in Wonnacott, 2012).

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) dan Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan di atas sokongan dalam penghasilan Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial. Ucapan penghargaan juga kepada pasukan kerja yang terlibat dalam penyediaan Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial:

- i. Prof. Dr. Ismail bin Baba, Fasilitator merangkap Presiden Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW).
- ii. Encik Khairul Amri bin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- iii. Dr. Nurhayati binti Muhamad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- iv. Dr. Amna binti Md Nor, Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM.
- v. Puan Amy Bala a/p T.K Jones, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia.

- vi. Encik Mohd Iqbal Haqim Bin Mohd Nor, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia.
- vii. Encik Teoh Ai Hua, Ahli MASW merangkap Pensyarah Kanan UUM.
- viii. Encik Zaini Bin Osman, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- ix. Puan Eny Edayu Binti Mat Ali, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- x. Puan Hartini Binti Abdul Halim, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- xi. Puan Azizan Binti Aziz, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- xii. Puan Siti Zubaidah Binti Aboo Salihu, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- xiii. Encik Mohd Syukry Bin Taharem, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- xiv. Puan Nor 'Ashikin Binti Abdul Razak, Ketua Kluster Rundingan Sosial.
- xv. Puan Siti Syafiqah Binti Hassan, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Cawangan Putrajaya.
- xvi. Puan Fatin Shazwani Binti Md Johari, Penolong Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- xvii. Encik Muhammed Nadzri bin Murashid, Perunding Latihan, Institut Sosial Malaysia.

MANUAL PELAKSANAAN

Penyelidikan Kerja Sosial



KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|---|-----------|
| Pendahuluan | 19 |
| Pengenalan | 19 |
| Objektif 20 | |
| Struktur Dan Skop Penyeliaan | 21 |
| Komponen | 21 |
| Tanggungjawab Penyelaras, Penyelia Dan Individu Yang Diselia | 23 |
| Panduan Penyediaan Laporan Penyeliaan | 27 |
| Penilaian Program | 28 |
| Senarai Untuk Dihubungi | 29 |
| Borang-Borang | 29 |
| Lampiran 1 – Borang Perjanjian Penyeliaan | 30 |
| Lampiran 2 – Borang Rekod Penyeliaan | 33 |
| Lampiran 3 – Borang Rekod Penyeliaan Kelompok | 34 |
| Lampiran 4 – Borang Maklum Balas Sesi Penyeliaan | 36 |
| Lampiran 5 – Borang Pra Dan Pasca Penilaian | 37 |
| Lampiran 6 – Borang Penilaian Penyeliaan Kerja Sosial | 42 |
| Lampiran 7 – Senarai Semak Program Penyeliaan Kerja Sosial | 52 |

PENDAHULUAN

Profesion Kerja Sosial dan praktis penyeliaan Kerja Sosial pada masa yang sama telah muncul di Malaysia semenjak pertengahan abad ke 19 semenjak penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1946 yang didorong oleh faktor kemiskinan dan masalah sosial yang lain selepas Perang Dunia Kedua. Selama lebih tujuh dekad bidang Kerja Sosial telah diamalkan dalam penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar yang memerlukan berasaskan kepada nilai dan etika, pengetahuan dan kemahiran Kerja Sosial.

Pada abad ke 20, profesion Kerja Sosial menghadapi pelbagai cabaran berikutan peningkatan isu-isu sosial yang semakin kompleks seperti penderaan kanak-kanak, jenayah dalam kalangan kanak-kanak, pengabaian warga emas, keganasan rumah tangga, pengemis, gelandangan dan sebagainya. Situasi ini memerlukan tenaga profesional yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang Kerja Sosial termasuklah penyeliaan Kerja Sosial. Penyeliaan adalah sebahagian daripada praktis profesional yang perlu wujud untuk meningkatkan kualiti dan kompetensi Pekerja Sosial.

Berdasarkan rujukan daripada pelbagai kajian dan dokumen, Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial telah dihasilkan pada tahun 2018 melalui kerjasama strategik di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) dan ahli akademik dalam bidang Kerja Sosial. Buku Panduan ini dihasilkan bagi menyediakan kerangka umum mengenai penyeliaan bagi memberi panduan kepada Pekerja Sosial dalam proses penyeliaan Kerja Sosial.

Manual Pelaksanaan Penyeliaan Kerja Sosial ini pula disediakan sebagai garis panduan pentadbiran bagi pelaksanaan penyeliaan kerja sosial. Diharapkan manual ini menjadi panduan kepada Pekerja Sosial khususnya penyelia dan individu yang diselia serta organisasi dalam memantapkan penyeliaan bagi memberi manfaat kepada kumpulan sasar.

PENGENALAN

Program Penyeliaan Kerja Sosial ini merupakan satu inisiatif jabatan untuk memantapkan kompetensi Praktis Kerja Sosial dalam kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai alternatif kepada latihan in-situ. Program ini dilaksanakan secara latihan sambil bekerja (*on job training*) kepada kakitangan JKM yang mempraktikkan Kerja Sosial secara langsung di lapangan dan juga secara tidak langsung.

Program ini merupakan titik pertembungan yang menggabungkan teori dan praktis Kerja Sosial. Dalam program ini, penyelia akan memainkan peranan dalam mendidik, mentadbir dan menyokong kakitangan untuk mengaplikasikan segala pengetahuan, kemahiran dan nilai yang terdapat dalam praktis Kerja Sosial semasa menguruskan kes.

Program Penyeliaan Kerja Sosial ini akan dilaksanakan secara berstruktur di mana terdapat elemen pemantauan dan penilaian bagi memastikan program ini dapat meningkatkan kompetensi kakitangan dan akhirnya kumpulan sasar mendapat perkhidmatan yang efektif. Bagi memastikan objektif program ini tercapai, Manual Pelaksanaan Penyeliaan Kerja Sosial ini disediakan sebagai panduan dan sumber untuk kakitangan merujuk sepanjang program dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, Manual Pelaksanaan Penyeliaan Kerja Sosial ini perlu dibaca oleh kakitangan dan dijadikan panduan. Selain itu, kakitangan yang terlibat dengan program ini juga perlu merujuk kepada bahan-bahan lain yang berkaitan seperti Kod Etika Pekerja JKM, Piawai Kompetensi Praktis Kerja Sosial dan Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial.

3. OBJEKTIF MANUAL PELAKSANAAN PENYELIAAN KERJA SOSIAL

- i. Menjelaskan mengenai matlamat, fungsi, kaedah dan struktur dalam pelaksanaan Program Penyeliaan Kerja Sosial.
- ii. Menjelaskan mengenai peranan dan tanggungjawab penyelaras, penyelia dan individu yang diselia dalam Program Penyeliaan Kerja Sosial.
- iii. Menjelaskan mengenai elemen pemantauan dan penilaian dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Program Penyeliaan Kerja Sosial.

4. STRUKTUR DAN SKOP PENYELIAAN

Program Penyeliaan Kerja Sosial ini terbahagi kepada dua peringkat. **Peringkat pertama** adalah melibatkan penyeliaan oleh pegawai / kakitangan yang mempunyai latar belakang program Kerja Sosial kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD/J/B), Ketua Institusi dan ketua cawangan/unit. **Peringkat kedua** pula melibatkan penyeliaan yang dilaksanakan oleh Ketua PKMD/J/B, Ketua Institusi dan ketua cawangan/unit kepada pegawai / kakitangan yang berada di bawah seliaannya. **Penyelia** di peringkat pertama adalah terdiri daripada pegawai yang terlatih dalam praktis Kerja Sosial yang diberi peranan untuk mendidik, mentadbir dan menyokong praktis yang dilaksanakan oleh **Individu Yang Diselia (IYD)**. Manakala Penyelia peringkat kedua pula adalah terdiri daripada PKMD/J/B, Ketua Institusi dan ketua cawangan / unit yang diberi peranan untuk mendidik, mentadbir dan menyokong praktis kakitangan di bawah seliaan mereka. Setiap peringkat dalam pelaksanaan program penyeliaan ini akan dinilai berdasarkan tahap pengaplikasian nilai, pengetahuan dan kemahiran praktis Kerja Sosial. Ringkasan struktur dan skop program adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Struktur dan Skop Penyeliaan Kerja Sosial

| Peringkat | Penyelia | Individu Yang Diselia (IYD) | Skop Penyeliaan |
|-------------|---|--|---|
| Peringkat 1 | Pegawai yang terlatih dalam praktis Kerja Sosial | i. PKMD/J/B ii. Ketua Institusi iii. Ketua cawangan/ ketua unit | i. Kod Etika Pekerja JKM ii. Penyeliaan Kerja Sosial iii. Kompetensi Praktis Kerja Sosial iv. Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial |
| Peringkat 2 | i. PKMD/J/B ii. Ketua Institusi iii. Ketua cawangan / ketua unit | Kakitangan di bawah seliaan Penyelia | i. Kod Etika Pekerja JKM ii. Kompetensi Praktis Kerja Sosial iii. Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial |

5. KOMPONEN PROGRAM PENYELIAAN KERJA SOSIAL

Program Penyeliaan Kerja Sosial ini mempunyai beberapa komponen. Berikut adalah komponen-komponen yang terlibat dalam kedua-dua peringkat Penyeliaan Kerja Sosial seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Komponen Program Penyeliaan Kerja Sosial

| KOMPONEN | PENERANGAN |
|---|--|
| Penyeliaan | Proses dimana Penyelia yang terlatih membantu Individu Yang Diselia (IYD) untuk meningkatkan kompetensi dan etika praktis Kerja Sosial dalam konteks objektif organisasi ke arah mencapai kesejahteraan klien. |
| Penyelia Peringkat 1 | Merupakan pegawai/kakitangan JKM yang terlatih dalam bidang Kerja Sosial samada di peringkat Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda, Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial atau latihan yang diiktiraf. |
| Penyelia Peringkat 2 | Merupakan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian, Ketua Institusi dan Ketua Cawangan/Unit yang berperanan sebagai Penyelia. |
| Individu yang diselia Peringkat 1 | Merupakan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian, Ketua Institusi dan Ketua Cawangan/Unit. |
| Individu yang diselia Peringkat 2 | Pegawai / kakitangan JKM di bawah seliaan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian, Ketua Institusi dan Ketua Cawangan/Unit. |
| Penyelaras | Penyelaras program merupakan pegawai yang berkhidmat di Cawangan Kompetensi Kerja Sosial di bawah Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Ibu Pejabat JKM. |
| Laporan Penyeliaan | Laporan adalah merujuk kepada laporan yang perlu disediakan oleh Penyelia / IYD. Format laporan adalah seperti yang terdapat di Lampiran Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial. |
| Laporan Kes | Laporan kes adalah merujuk kepada laporan kes yang disediakan oleh IYD berdasarkan praktis Kerja Sosial. Contoh laporan adalah seperti Laporan Akhlak, Laporan Perlindungan Kanak-Kanak, Laporan Sosial, Laporan Pemantauan 2YEP, Laporan Perintah Khidmat Masyarakat dan lain-lain laporan yang seumpamanya. Setiap IYD perlu menyediakan mengemukakan sekurang-kurangnya sepuluh (10) laporan yang berkualiti dalam tempoh penyeliaan bagi tujuan penilaian. |
| Borang Pra-Penilaian Program Penyeliaan Kerja Sosial | Borang ini perlu diisi oleh IYD dan disahkan oleh Penyelia sebelum program penyeliaan bermula. |
| Borang Pasca Penilaian Program Penyeliaan Kerja Sosial | Borang perlu diisi oleh IYD dan disahkan oleh Penyelia setelah selesai mengikuti program penyeliaan. |
| Borang Penilaian Penyeliaan Kerja Sosial | Borang Penilaian ini perlu dilengkapkan oleh Penyelia, bertujuan untuk menilai tahap pencapaian IYD selepas tamat tempoh penyeliaan. |

6. TANGGUNGJAWAB PENYELARAS, PENYELIA DAN INDIVIDU YANG DISELIA

i. **Penyelaras Program**

(Pegawai di Cawangan Kompetensi Kerja Sosial, Ibu Pejabat)

a. **Kelayakan**

1. Mempunyai kelayakan dalam bidang Kerja Sosial.
2. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun dalam bidang Kerja Sosial.
3. Telah hadir Kursus Kompetensi Praktis Kerja Sosial.
4. Telah hadir Kursus Penyeliaan Kerja Sosial.

b. **Tanggungjawab Penyelaras**

1. Menyediakan Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial.
2. Menyediakan Manual Pelaksanaan Program Penyeliaan Kerja Sosial.
3. Menyelaraskan pelantikan serta kesesuaian Penyelia dan Individu Yang Diselia peringkat pertama.
4. Melaksanakan Kursus Kejurulatihan (TOT) Penyeliaan Kerja Sosial.
5. Menyelaraskan penyertaan Kursus Penyeliaan Kerja Sosial dengan Institut Sosial Malaysia.
6. Melaksanakan pemantauan dan penilaian Program Penyeliaan Kerja Sosial.
7. Menyediakan laporan penilaian *outcome* Program Penyeliaan Kerja Sosial.
8. Membuat penambahbaikan terhadap program Penyeliaan Kerja Sosial.
9. Melaporkan perkembangan dan pencapaian Program Penyeliaan Kerja Sosial kepada Pengurusan Tertinggi JKM.
10. Melestarikan pelaksanaan Program Penyeliaan Kerja Sosial.

ii. **Penyelia Peringkat 1**

(Pegawai yang terlatih dalam bidang Kerja Sosial)

a. **Kelayakan**

1. Mempunyai kelayakan dalam bidang Kerja Sosial.
2. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun dalam bidang Kerja Sosial.
3. Telah hadir Kursus Kompetensi Praktis Kerja Sosial.
4. Telah hadir Kursus Penyeliaan Kerja Sosial.

b. **Tanggungjawab Penyelia Peringkat 1**

1. Menghadiri Kursus Kejurulatihan (TOT) Penyeliaan Kerja Sosial.
2. Melaksanakan penyeliaan terhadap IYD yang telah ditetapkan.
3. Membuat lawatan penyeliaan terhadap IYD di lapangan **sekurang-kurangnya tiga kali dalam tempoh enam bulan.**
4. Memastikan IYD menjawab soalan pra-penilaian dan pasca penilaian sebelum dan selepas Program Penyeliaan dilaksanakan.
5. Menggalakkan IYD menghadiri Kursus Penyeliaan Kerja Sosial yang dilaksanakan oleh ISM.
6. Mendidik IYD mengenai Etika Pekerja JKM, Penyeliaan Kerja Sosial, Kompetensi Praktis Kerja Sosial, Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial dan perkara yang bersesuaian dalam praktis Kerja Sosial.
7. Memastikan IYD mengisi borang bagi setiap sesi seliaan dan penyelia perlu mengesahkan borang yang berkaitan. Borang-borang adalah seperti di Lampiran Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial.
8. Memastikan IYD menyediakan laporan kes yang berkualiti dalam tempoh enam bulan penyeliaan.

9. Mengemukakan laporan pra-penilaian dan pasca penilaian kepada penyelar.
10. Mengenalpasti laporan kes yang unik, kompleks dan berkualiti untuk dibentangkan oleh IYD di Persidangan Kes (CC Talk).

iii. **Penyelia Peringkat 2**

(PKMD/J/B, Ketua Institusi dan Ketua Cawangan/Unit)

a. **Kelayakan**

1. Merupakan PKMD/J/B, Ketua Institusi atau Ketua Cawangan/Unit.
2. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun dalam bidang Kerja Sosial.

b. **Tanggungjawab Penyelia Peringkat 2**

1. Menghadiri Kursus Penyeliaan Kerja Sosial yang dilaksanakan oleh ISM.
2. Melaksanakan penyeliaan terhadap sekurang-kurangnya lima orang kakitangan (IYD) yang telah dikenalpasti oleh Penyelia sendiri.
3. Melaksanakan penyeliaan berdasarkan kekerapan yang ditetapkan dalam Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial.
4. Memastikan IYD menjawab soalan pra-penilaian dan pasca penilaian sebelum dan selepas Program Penyeliaan dilaksanakan.
5. Membuat pemantauan terhadap praktis di lapangan dan laporan kes.
6. Mendidik IYD dari skop Etika Pekerja JKM, Kompetensi Praktis Kerja Sosial, Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial dan perkara yang bersesuaian dalam praktis Kerja Sosial.
7. Memastikan IYD mengisi borang bagi setiap sesi seliaan dan penyelia perlu mengesahkan borang yang berkaitan. Borang-borang adalah seperti di Lampiran Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial.

8. Memastikan IYD menyediakan laporan kes yang berkualiti dalam tempoh enam bulan penyeliaan.
9. Mengemukakan laporan pra-penilaian dan pasca penilaian kepada penyelarar.
10. Mengenalpasti laporan kes yang unik, kompleks dan berkualiti untuk dibentangkan oleh IYD di Persidangan Kes (CC Talk).

iv. **Individu Yang Diselia (IYD)**

(Pegawai / kakitangan di bawah seliaan Penyelia)

a. Kelayakan

1. Kakitangan skim Pembangunan Masyarakat yang bertugas di Ibu Pejabat Putrajaya, JKMN, PKMD/J/B, dan Institusi.
2. Kakitangan yang melaksanakan praktis Kerja Sosial sama ada secara langsung atau tidak langsung.

b. Tanggungjawab

1. IYD hendaklah menjadikan Kod Etika Pekerja JKM, Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial dan Manual Sistem Pengurusan Kes Kerja Sosial sebagai rujukan sepanjang program penyeliaan berlangsung.
2. Menghadiri Kursus Penyeliaan Kerja Sosial yang dilaksanakan oleh ISM.
3. Bersikap menghormati Penyelarar, Penyelia, rakan sekerja dan klien.
4. Menyelaraskan waktu seliaan dengan Penyelia (bagi sesi penyeliaan praktis secara langsung). Sekiranya terdapat sebarang perubahan masa dan lokasi, IYD perlu memaklumkan kepada Penyelia.
5. Menjawab soalan pra-penilaian dan pasca penilaian sebelum dan selepas Program Penyeliaan dilaksanakan.

6. Mengisi borang bagi setiap sesi seliaan dan penyelia perlu mengesahkan borang yang berkaitan. Borang-borang adalah seperti di Lampiran Buku Panduan Penyeliaan Kerja Sosial.
7. Menyediakan laporan kes yang berkualiti dalam tempoh enam bulan penyeliaan.
8. Menghadiri Persidangan Kes (CC Talk) sekiranya terpilih.
9. Jika berhadapan dengan sebarang masalah sama ada dengan rakan sekerja, klien Jabatan atau persekitaran, IYD dikehendaki berbincang dengan Penyelia bagi menyelesaikan isu tersebut.
10. Sekiranya IYD berhadapan dengan isu melibatkan Penyelia, IYD perlu berbincang dengan Penyelaras.

7. PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENYELIAAN

i. Borang Perjanjian Penyeliaan

Tujuan borang perjanjian penyeliaan adalah untuk menentukan matlamat, tugas dan tanggungjawab, konteks dan kandungan serta kerangka mangsa berkaitan dengan program Penyeliaan Kerja Sosial. Borang ini perlu dilengkapkan oleh kedua-dua Penyelia dan Individu Yang Diselia. Format Borang adalah seperti di **Lampiran 1**.

ii. Borang Rekod Penyeliaan

Borang ini digunakan oleh IYD untuk merekod butiran perbincangan bagi setiap sesi penyeliaan. Borang ini perlu diperakui oleh Penyelia selepas sesi penyeliaan. Format borang adalah seperti di **Lampiran 2**.

iii. Borang Rekod Penyeliaan Kelompok

Borang ini digunakan oleh IYD untuk merekod butiran perbincangan bagi setiap sesi penyeliaan berkelompok. Borang ini perlu diperakui oleh Penyelia selepas sesi penyeliaan. Format borang adalah seperti di **Lampiran 3**.

iv. Borang Maklum Balas Sesi Penyeliaan

Borang ini digunakan oleh IYD untuk memberi maklum balas kepada Penyelia selepas setiap sesi penyeliaan. Format borang adalah seperti di **Lampiran 4**.

8. PENILAIAN PROGRAM

i. Borang Pra dan Pasca Penilaian

- a. Setiap IYD perlu melengkapkan borang pra penilaian sebelum borang pasca penilaian di akhir penyeliaan kerja sosial.
- b. Borang-borang ini akan dikumpulkan oleh penyelarasan melalui kerjasama penyelia peringkat pertama untuk dianalisis.
- c. Borang pra penilaian dan borang pasca penilaian adalah seperti di **Lampiran 5**.

ii. Borang Penilaian Penyeliaan

